

Pengaruh inovasi pengajaran terhadap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum Sekolah Menengah Negeri Johor

Fatin Azreen Abdul Rahman, Shamsulariffin Samsudin, Haslinda Hussein, Nurul Atikah
Khairuddin & Izi Nasuriddin Nasbi

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia

Corresponding author: azreenr100@gmail.com

Received : July 2024
Accepted : August 2024
Published : December 2024

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh inovasi pengajaran terhadap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah Johor. Responden terdiri daripada 369 orang murid dari 9 buah sekolah menengah di Pasir Gudang, Johor yang dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dengan menggunakan format skala likert. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum berada di tahap sederhana manakala pemboleh ubah bebas menunjukkan tahap yang tinggi. Ini memberi gambaran bahawa inovasi pengajaran mempengaruhi pembelajaran kokurikulum di sekolah daripada motivasi sendiri murid. Dapatan korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara inovasi pengajaran dengan motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah. Seterusnya, dapatan MANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid berdasarkan jantina, bangsa, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa. Analisis regresi kajian menunjukkan inovasi pengajaran dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar motivasi sendiri murid dan penaakulan merupakan faktor paling dominan sebagai penyumbang besar terhadap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum. Akhir sekali, analisis MANCOVA yang dijalankan mendapati kesan faktor luar mempengaruhi inovasi pengajaran dan bangsa. Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa murid telah bersedia dari aspek inovasi pengajaran. Namun, dalam mencapai matlamat dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan murid yang berketerampilan dan holistik dari semua aspek inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid dalam pembelajaran pembelajaran kokurikulum perlu dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dengan memberi pendedahan dan aktiviti yang lebih khusus kepada murid dalam menghadapi cabaran alaf baharu dan transformasi yang terkini dalam dunia Pendidikan.

Kata kunci: Inovasi Pengajaran, Motivasi Kendiri Murid, Pembelajaran Kokurikulum

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of teaching innovation on students' self-motivation in co-curricular learning in Johor secondary schools. Respondents consisted of 369 students from 9 secondary schools in Pasir Gudang, Johor who were selected using a simple random sampling technique. A questionnaire was used as a research instrument using a likert scale format. The findings of this study show that the level of self-motivation of students in co-curricular learning is at a moderate level while the independent variable shows a high level. This gives the impression that teaching innovation affects co-curricular learning in schools rather than students' self-motivation. Pearson's correlation results show

that there is a significant relationship between teaching innovation and student self-motivation in extracurricular learning in secondary schools. Next, the results of the MANOVA show that there is no significant difference in the level of teaching innovation and the level of student self-motivation based on gender, race, income and parents' education level. The regression analysis of the study shows that teaching innovation can explain the dependent variable of student self-motivation and that reasoning is the most dominant factor as a major contributor to student self-motivation in co-curricular learning. Finally, the MANCOVA analysis conducted found the effect of external factors affecting teaching innovation and race. Based on the findings of the study, it can be concluded that students are prepared from the aspect of teaching innovation. However, in achieving the goals and aspirations of the Malaysian Ministry of Education in producing students who are skilled and holistic from all aspects of teaching innovation and student self-motivation in extracurricular learning needs to be further enhanced from time to time by giving more specific exposure and activities to students in facing challenges new millennium and the latest transformation in the world of Education.

Keywords: Co-curricular learning, teaching innovation, student self-motivation

PENGENALAN

Bagi mencapai Wawasan Kemakmuran bersama 2030, peranan sektor pendidikan amat penting dalam usaha kerajaan merealisasikan matlamat murni ini. Keupayaan dan kestabilan sesebuah negara bergantung kepada pembangunan intelek murid dan kecemerlangan pentadbiran kerajaan. Menurut laporan akhbar, murid dianggap aset yang sangat berharga dan bakal menjadi pewaris pemimpin negara (Utusan Borneo, 2018). Jelaslah bahawa murid mesti melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu antara disiplin serta akhlak yang tinggi. Untuk menyemarakkan lagi semangat akan cinta kepada tanah air dan negara, murid seharusnya ditekankan dengan pembangunan holistik yang merangkumi aspek kehidupan manusia daripada fizikalnya, persekitaran, psikologi dan kerohanian.

Pendidikan di Malaysia perlu memberi perhatian kepada keseimbangan murid dalam pembelajaran kokurikulum dan bukan sahaja tertumpu kepada bidang kurikulum untuk mencapai kejayaan. Terdapat tiga aktiviti pembelajaran kokurikulum di sekolah iaitu Kelab dan Persatuan, Pasukan Badan Beruniform serta Sukan dan Permainan. Pelibatan murid dalam ketiga-tiga aktiviti ini melambangkan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kursus-kursus Pengajian) Sekolah 1956. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian menetapkan setiap murid diwajibkan melibatkan diri sekurang-kurangnya satu unit Kelab dan Persatuan, Pasukan Badan Beruniform serta Sukan dan Permainan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Seterusnya, mengikut Akta Pendidikan 1996, semua guru dan murid diwajibkan menyertai pembelajaran kokurikulum di sekolah. Menurut Rasyidi & Siti Aisyah (2020), matlamat dan objektif pembelajaran kokurikulum boleh dicapai melalui pemantauan, pendekatan dan perancangan yang berterusan. Pembelajaran kokurikulum dapat membantu murid mengembangkan minat dan bakat mereka (Nur Munirah & Mohamad Shukri, 2020). Selain itu, pelibatan dalam pembelajaran kokurikulum amat penting untuk perkembangan tingkah laku, akhlak, kesedaran sivik, intelek, kecergasan fizikal dan kesejahteraan mental murid (Md. Roknuzzaman, 2020). Laporan Kabinet 1979, FPK 1988, dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1988 menyokong idea bagaimana pembelajaran kokurikulum boleh dilaksanakan di sekolah. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap murid untuk menyertai pembelajaran kokurikulum kerana melalui pembelajaran ini, murid dapat menjadi individu yang seimbang dalam pelbagai aspek.

Intihanya, bagi mencapai matlamat dan objektif pembelajaran kokurikulum, kerjasama daripada semua pihak amat penting demi menjalankan aktiviti yang menarik di sekolah. Pengelolaan dan pelaksanaan pembelajaran kokurikulum di sekolah perlu dilaksanakan secara terancang dengan bantuan serta kerjasama dari pihak pentadbir dan guru-guru bagi mencapai objektif serta melahirkan modal insan yang menepati hasrat FPK. Namun begitu, bagi memastikan keberkesanan program tersebut bersesuaian dengan program yang dianjurkan oleh pihak sekolah, penyertaan murid perlu mendapat perhatian khususnya daripada guru dan pentadbir sekolah. Ini dilakukan agar matlamat pembelajaran kokurikulum yang dianjurkan dapat dicapai secara menyeluruh.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam era pendidikan moden, pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah memainkan peranan penting dalam pembangunan murid yang holistik. Namun, terdapat cabaran besar dalam memastikan tahap inovasi pengajaran yang konsisten serta motivasi sendiri murid yang tinggi dalam konteks kokurikulum. Tanpa inovasi pengajaran yang berkesan, pembelajaran kokurikulum mungkin tidak mencapai matlamatnya untuk memperkaya pengalaman pendidikan murid, sekali gus memberi kesan negatif kepada motivasi sendiri mereka. Ini boleh membawa kepada penurunan dalam penyertaan murid, kemahiran kepimpinan, serta kualiti pendidikan secara keseluruhan (Othman & Shaari, 2019; Williams & Nguyen, 2021).

Sementara itu, pengukuran pencapaian pembelajaran kokurikulum di sekolah merangkumi penilaian kehadiran, penglibatan, penerimaan anugerah dan pencapaian yang dikira untuk memastikan pencapaian pembelajaran kokurikulum selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Selain itu, merujuk kepada buku panduan PAJSK sekolah menengah, pentaksiran (10%) merupakan salah satu kriteria penting untuk kemasukan ke universiti. Ini menunjukkan bahawa perhatian yang secukupnya perlu diberikan kepada penglibatan murid dalam pembelajaran kokurikulum bagi melahirkan modal insan yang berkualiti. Pada masa ini, bagi murid lepasan SPM yang ingin mendaftar melalui sistem UPU, pengiraan markah pencapaian UPU merangkumi (10%) gred kokurikulum (Prof. Madya Dr Zuwati Hasim, 2023).

Kajian menunjukkan bahawa tahap inovasi pengajaran berkait rapat dengan motivasi sendiri murid. Pengajaran yang berinovasi dapat memupuk minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran kokurikulum, yang seterusnya meningkatkan motivasi mereka untuk terus aktif dalam pelbagai aktiviti (Ahmad & Rashid, 2020). Walau bagaimanapun, tahap inovasi pengajaran sering kali berbeza mengikut faktor demografi seperti jantina, bangsa, pendapatan keluarga, dan taraf pendidikan ibu bapa. Kajian mendapati bahawa murid dari latar belakang yang lebih berkemampuan cenderung untuk mendapat manfaat yang lebih besar daripada pendekatan pengajaran yang inovatif, sementara murid dari latar belakang yang kurang berkemampuan mungkin menghadapi halangan yang lebih besar dalam mencapai motivasi yang sama (Zulkifli & Kamaruddin, 2021; Kim et al., 2022).

Selain itu, faktor luar seperti polisi pendidikan, sokongan komuniti, dan akses kepada teknologi turut memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana inovasi pengajaran dapat dilaksanakan dan bagaimana ia mempengaruhi motivasi sendiri murid (Rahman & Zainudin, 2023). Kegagalan untuk menangani faktor-faktor ini boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam peluang pendidikan, di mana hanya murid yang mempunyai akses kepada sumber-sumber yang mencukupi sahaja yang dapat menikmati manfaat penuh daripada inovasi pengajaran (Liew et al., 2021). Tambahan pula, cabaran dalam mengukur tahap inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid juga menambah kesukaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa inovasi pengajaran yang tidak disokong dengan strategi yang sesuai boleh menyebabkan motivasi murid menurun, sekali gus mengurangkan keberkesanan pembelajaran kokurikulum (Smith et al., 2023). Sebaliknya, apabila guru diberi ruang dan sokongan untuk berinovasi, mereka lebih cenderung untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang merangsang motivasi murid, seterusnya mempertingkatkan kualiti pendidikan keseluruhan (Abdullah & Mahmud, 2023; Chan & Rahman, 2022).

Secara keseluruhan, kajian ini adalah penting dalam usaha untuk memahami dan meningkatkan kualiti pendidikan melalui pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah. Dengan mengenal pasti tahap inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid, serta hubungan antara kedua-dua elemen ini, kajian ini dapat memberikan panduan yang jelas kepada pendidik dan penggubal dasar untuk merangka strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan pengalaman pendidikan murid. Ini termasuk memahami perbezaan demografi dan faktor luar yang mempengaruhi inovasi pengajaran dan motivasi murid, yang seterusnya dapat membantu dalam membina persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan berkesan.

Objektif kajian diperincikan seperti di bawah ini :

- i. Mengetahui tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor.
- ii. Menentukan hubungan antara tahap inovasi pengajaran dengan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor.

- iii. Menentukan perbezaan tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid berdasarkan kategori jantina, bangsa, pendapatan keluarga dan taraf pendidikan ibu bapa dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor.
- iv. Menentukan faktor tahap inovasi pengajaran yang mempengaruhi tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor.
- v. Menentukan kesan faktor luar yang mempengaruhi tahap inovasi pengajaran terhadap tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Inovasi pengajaran merupakan elemen penting dalam meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Beberapa kajian lepas, menurut Rahim et al. (2021) menekankan bahawa pendekatan inovatif dalam pengajaran, termasuk penggunaan teknologi dan strategi pengajaran kreatif, boleh mempertingkatkan inovasi pengajaran murid. Penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa inovasi pengajaran tidak hanya meningkatkan keterlibatan murid tetapi juga merangsang pemikiran kritis dan analitis (Rahim, M. S., Ahmad, N., & Ismail, H., 2021). Walau bagaimanapun, kajian ini kurang memberi fokus kepada bagaimana inovasi pengajaran tersebut mempengaruhi motivasi sendiri murid dalam konteks pembelajaran kokurikulum di Malaysia, yang merupakan jurang penting untuk diterokai dalam kajian ini.

Selain itu, motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum memainkan peranan penting dalam kejayaan mereka di luar bilik darjah. Menurut Amran et al. (2018), faktor-faktor seperti pencapaian peribadi dan pengiktirafan dari rakan sebaya boleh mempengaruhi tahap motivasi sendiri murid. Kajian ini mendapati bahawa apabila murid merasa dihargai dan diberi peluang untuk meneroka minat mereka melalui pembelajaran kokurikulum, mereka menunjukkan peningkatan dalam motivasi sendiri (Amran, N., Ibrahim, N., & Yusof, M., 2018). Namun, kajian ini tidak secara khusus mengkaji bagaimana inovasi dalam pengajaran dapat mempengaruhi aspek-aspek ini, menjadikan kajian semasa relevan untuk mengisi kekosongan ini dengan memfokuskan pada hubungan antara inovasi pengajaran dan motivasi sendiri dalam konteks kokurikulum.

Kajian terbaru oleh Lim dan Tan (2023) menunjukkan bahawa inovasi pengajaran berupaya meningkatkan motivasi sendiri murid melalui pengukuhan kepercayaan diri dan pencapaian peribadi murid. Mereka mendapati bahawa teknik pengajaran yang mempromosikan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah boleh menggalakkan murid untuk terlibat dengan lebih aktif dalam pembelajaran kokurikulum, seterusnya meningkatkan motivasi mereka (Lim, H. S., & Tan, S. K., 2023). Namun, kajian ini masih terhad dalam konteks Malaysia dan tidak memfokuskan pada bagaimana inovasi pengajaran ini mempengaruhi dimensi spesifik motivasi sendiri dalam pembelajaran kokurikulum. Penyelidikan ini bertujuan untuk melengkapkan pemahaman ini dengan meneroka bagaimana inovasi pengajaran boleh memberi kesan langsung kepada motivasi sendiri murid dalam konteks ini.

Kesimpulannya, kajian ini berupaya untuk menambahbaik pemahaman tentang bagaimana inovasi pengajaran mempengaruhi motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum dengan menjelajah jurang yang ada dalam kajian terdahulu. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan hubungan positif antara inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid, seperti yang dinyatakan oleh Rahim et al. (2021) dan Lim dan Tan (2023), masih terdapat kekurangan dalam kajian yang memfokuskan pada konteks Malaysia dan pembelajaran kokurikulum. Kajian ini diharap dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam dan relevan mengenai bagaimana teknik pengajaran inovatif dapat diintegrasikan untuk meningkatkan motivasi sendiri murid di sekolah menengah di Johor.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai metodologi, dan ia adalah kajian *cross-sectional studies* (kajian rentas). *Cross-sectional studies* (kajian rentas) melibatkan pengedaran soal selidik hanya sekali dalam tempoh masa tertentu, tetapi dalam kumpulan individu yang berbeza. Kajian ini telah dijalankan di daerah Pasir Gudang, Johor. Rasional pemilihan daerah ini sebagai lokasi kajian dilakukan oleh pengkaji berdasarkan beberapa faktor yang difikirkan sesuai bagi memperoleh dapatan kajian yang baik. Populasi kajian ini melibatkan murid sekolah menengah Tingkatan Empat yang berasal dari Daerah Pasir Gudang, Johor. Jumlah murid tingkatan empat di Daerah Pasir Gudang, Johor adalah seramai 8577 orang murid dari 37 buah sekolah menengah di Pasir Gudang, Johor. Untuk

menentukan saiz sampel dalam kajian ini, pengkaji menggunakan formula saiz sampel yang diperkenalkan oleh Cochran (1977) sebagai panduan.

Untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan serta bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian, satu set instrumen telah dibina berdasarkan adaptasi dan modifikasi daripada beberapa soal selidik terdahulu. Bagi Bahagian A, pengkaji membina sendiri item berdasarkan pemboleh ubah yang hendak dikaji. Bagi konstruk Bahagian B iaitu berkaitan dengan motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum, pengkaji telah mengadaptasi dan mengubah suai soal selidik kajian yang dijalankan oleh Chun Cheng Chuan (2015) yang mengkaji Peramal Tingkah Laku Keinginan pelibatan Dalam Aktiviti Sukan Di Luar Waktu Persekolahan Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. Sementara itu, konstruk Bahagian C iaitu konstruk inovasi pengajaran pula telah diadaptasi dan diubahsuai daripada borang soal selidik F.P. Chew & Muhamed Sulong, M., (2019) yang mengkaji tentang Kesan Strategi Gallery Walk Terhadap Pencapaian Murid-murid Dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. Terdapat tiga perkara yang perlu dijawab oleh responden dalam Bahagian A iaitu jantina, bangsa, kumpulan pendapatan keluarga, taraf pendidikan ibu dan taraf pendidikan ayah. Bahagian B mempunyai 26 item dan Bahagian C mempunyai 19 item. Penilaian tahap inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid ini dilihat berdasarkan skala likert lima mata iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Sederhana Setuju, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju.

Secara amnya, dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan statistik inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi menjelaskan data demografi responden seperti jantina, bangsa, kumpulan pendapatan keluarga, taraf pendidikan ibu dan taraf pendidikan ayah dalam nilai peratus dan frekuensi. Analisis statistik deskriptif juga digunakan untuk mendapatkan data mengenai inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid dan diinterpretasikan dalam frekuensi dan peratus. Seterusnya, bagi menentukan tahap berdasarkan dimensi ini, pengkaji telah mengkategorikan tahap kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi dengan menggunakan skala tertinggi adalah 5 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Rumusan skor min berdasarkan kategori tahap mengikut dimensi

Tahap	Skor Min
Rendah	1.00 - 2.33
Sederhana	2.34 - 3.66
Tinggi	3.67 - 5.00

Sementara itu, analisis statistik inferensi pula digunakan untuk menguji ujian t bagi melihat perbezaan tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum. Ujian MANOVA digunakan untuk mengkaji perbezaan skor min bagi pemboleh ubah tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid berdasarkan demografi dan sekolah manakala Ujian Korelasi melihat hubungan tahap inovasi pengajaran dengan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum. Kekuatan korelasi antara komponen atau pemboleh ubah pula diinterpretasikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Indeks Pekali (r) dan Kekuatan Hubungan

Julat pekali r (+/-)	Kekuatan Hubungan
$r = .10$ hingga $.29$ atau $r = -.10$ hingga $-.29$	Kecil/Rendah
$r = .30$ hingga $.49$ atau $r = -.30$ hingga $-.49$	Sederhana
$r = .50$ hingga 1.0 atau $r = -.50$ hingga $-.10$	Kuat/Tinggi

HASIL KAJIAN

Kajian ini melibatkan murid lelaki dan perempuan sekolah menengah Negeri Johor. Jadual 3 di bawah menunjukkan keputusan analisis deskriptif iaitu profil demografi responden secara terperinci berdasarkan faktor jantina, bangsa, pendapatan keluarga dan latar belakang pendidikan ibu bapa.

Hasil analisis deskriptif menunjukkan 369 orang responden menunjukkan murid perempuan merupakan kumpulan tertinggi iaitu sebanyak 199 responden (53.9%) dan diikuti oleh murid lelaki sebanyak 170 responden (46.1%). Manakala kumpulan bangsa yang tertinggi adalah melayu sebanyak 218 murid (59.1%) diikuti dengan cina 116 murid (31.4%), india 31 murid (8.4%) dan lain-lain 4 murid (1.1%). Bagi pendapatan keluarga pula, kumpulan pendapatan keluarga B40 adalah tertinggi sebanyak 230 murid (62.3), diikuti kumpulan M40 116 murid (31.4%) dan kumpulan T20 sebanyak 23 murid

(6.2%). Seterusnya dapatan terakhir bagi demografi murid sekolah menengah di Pasir Gudang, Johor adalah taraf pendidikan ibu bapa. Berdasarkan Jadual 3, menunjukkan bahawa taraf pendidikan ibu bapa kumpulan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) adalah paling tinggi sebanyak 179 (48.5%), diikuti kumpulan pendidikan STPM adalah sebanyak 80 (21.7%), kumpulan pendidikan PMR/Tingkatan 3 sebanyak 48 (13.0%), kumpulan pendidikan ijazah sebanyak 36 (9.8%), kumpulan pendidikan master sebanyak 22 (6.0) dan kumpulan pendidikan PHD sebanyak 4 (1.1%).

Jadual 3. Profil Demografi Responden Kajian

Demografi	N (369)	Peratus (%)
Jantina :		
Lelaki	170	46.1
Perempuan	199	53.9
Bangsa :		
Melayu	218	59.1
Cina	116	31.4
India	31	8.4
Lain-lain	4	1.1
Pendapatan Keluarga :		
B40 (Bawah RM4360)	230	62.3
M40 (RM4361-RM9619)	116	31.4
T20 (RM9620 dan ke atas)	23	6.2
Taraf Pendidikan Ibu Bapa :		
PMR/Tingkatan 3	48	13.0
SPM/Tingkatan 5	179	48.5
STPM	80	21.7
Ijazah	36	9.8
Master	22	6.0
PHD	4	1.1

Persoalan Kajian 1: Mengenal pasti tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di Sekolah Menengah Negeri Johor

Analisis deskriptif telah digunakan dan dikategorikan kepada tiga tahap penilaian iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penilaian terhadap murid dalam pembelajaran kokurikulum terbahagi kepada dua pemboleh ubah yang dikaji iaitu inovasi pengajaran dan motivasi sendiri murid yang dilihat melalui nilai min bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji bagi menerangkan lebih terperinci. Jadual 4, menunjukkan analisis keseluruhan dan nilai purata min bagi setiap pemboleh ubah di nilai. Dalam kajian ini, min keseluruhan bagi motivasi sendiri murid adalah 3.64 ($SP = 0.31$), diikuti nilai min keseluruhan bagi inovasi pengajaran adalah 3.97 ($SP = 0.49$). Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah yang dikaji iaitu motivasi sendiri murid berada pada tahap yang sederhana dan inovasi pengajaran berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4. Analisis deskriptif bagi pemboleh ubah motivasi sendiri murid dan inovasi pengajaran

Pemboleh ubah	Min	SP	Tahap
Motivasi	3.64	0.31	Sederhana
Inovasi Pengajaran	3.97	0.49	Tinggi

Persoalan Kajian 2: Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap inovasi pengajaran dengan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor?

Analisis korelasi Pearson telah digunakan untuk melihat hubungan antara tahap inovasi pengajaran dengan tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor. Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara inovasi pengajaran pemikiran kreatif dan inovatif ($r = .549, p = 0.00$), penyelesaian masalah ($r = .545, p = 0.00$), penaakulan ($r = .665, p = 0.00$) dan keupayaan belajar ($r = .638, p = 0.00$) dengan motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah. Kesemua hubungan dapat diinterpretasikan hubungan yang positif.

Jadual 5. Hubungan Inovasi Pengajaran dengan Motivasi Kendiri Murid

Pemboleh ubah bebas	Motivasi	<i>p</i>	Rumusan
Inovasi Pengajaran	.549**	0.00	Tinggi
Pemikiran Kreatif dan Inovatif			
Penyelesaian Masalah	.545**	0.00	Tinggi
Penaakulan	.665**	0.00	Tinggi
Keupayaan Belajar	.638**	0.00	Tinggi

**signifikan pada aras keertian 0.01

Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid berdasarkan jantina, bangsa, pendapatan keluarga dan taraf pendidikan ibu bapa dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah negeri Johor?

Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan ujian statistik Wilks' Lambda (Wilks λ). Menurut Pallant, (2001); Green, (1997), ujian ini kerap digunakan dan lazimnya dilaporkan dalam kajian sains sosial. Hasil analisis MANOVA adalah seperti Jadual 6. Berdasarkan Jadual 6, didapati perbandingan skor min tahap inovasi pengajaran berdasarkan jantina nilai Wilks' $\lambda = 0.977$, $F(1.775b)$ dan $p = 0.134$. Skor min tahap inovasi pengajaran berdasarkan bangsa nilai Wilks' $\lambda = 0.934$, $F(1.730)$ dan $p = 0.056$. Skor min tahap inovasi pengajaran berdasarkan pendapatan nilai Wilks' $\lambda = 0.979$, $F(0.790b)$ dan $p = 0.612$ dan skor min tahap inovasi pengajaran berdasarkan TPIB nilai Wilks' $\lambda = 0.942$, $F(0.900)$ dan $p = 0.588$. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap inovasi pengajaran berdasarkan jantina, bangsa, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa.

Jadual 6. Analisis MANOVA Tahap Inovasi Pengajaran berdasarkan Faktor Demografi

Kesan	Nilai Wilks' Lambda (λ)	<i>F</i>	<i>p</i>	Partial Eta Squared
Jantina	0.977	1.775b	0.134	0.023
Bangsa	0.934	1.730	0.056	0.023
Pendapatan	0.979	0.790b	0.612	0.010
TPIB	0.942	0.900	0.588	0.015
Interaksi Jantina*	0.990	0.759b	0.552	0.010
Bangsa*Pendapatan*TPIB				

Berdasarkan Jadual 7 didapati perbandingan skor min tahap motivasi sendiri murid berdasarkan jantina nilai Wilks' $\lambda = 0.990$, $F(1.031b)$ dan $p = 0.379$. Skor min tahap motivasi sendiri murid berdasarkan bangsa nilai Wilks' $\lambda = 0.963$, $F(1.249)$ dan $p = 0.262$. Skor min tahap motivasi sendiri murid berdasarkan pendapatan nilai Wilks' $\lambda = 0.981$, $F(0.967b)$ dan $p = 0.447$ dan skor min tahap motivasi sendiri murid berdasarkan TPIB nilai Wilks' $\lambda = 0.938$, $F(1.297)$ dan $p = 0.197$. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi sendiri murid intrinsik, ekstrinsik dan amotivasi berdasarkan jantina, bangsa, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa.

Jadual 7. Analisis MANOVA Tahap Motivasi Kendiri Murid berdasarkan Faktor Demografi

Kesan	Nilai Wilks' Lambda (λ)	<i>F</i>	<i>p</i>	Partial Eta Squared
Jantina	0.990	1.031b	0.379	0.010
Bangsa	0.963	1.249	0.262	0.012
Pendapatan	0.981	0.967b	0.447	0.010
TPIB	0.938	1.297	0.197	0.021
Interaksi Jantina*	0.976	0.2491b	0.060	0.024
Bangsa*Pendapatan*TPIB				

Persoalan Kajian 4: Apakah faktor tahap inovasi pengajaran yang mempengaruhi tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di Sekolah Menengah Negeri Johor?

Jadual 8 menunjukkan faktor kekuatan pemboleh ubah Inovasi Pengajaran merupakan faktor peramal kepada motivasi sendiri murid. Dapatan kajian menunjukkan persamaan regresi yang signifikan untuk setiap model. Model 4 merupakan pemboleh ubah - pemboleh ubah bebas sebagai peramal yang dapat menerangkan pemboleh ubah bersandar motivasi sendiri murid $R Square = .548$ (54.8) peratus yang paling tinggi, $F = 110.233$, $p < .000$. Dengan itu dapatlah dinyatakan bahawa dapatan kajian ini menunjukkan tahap sumbangan yang paling tinggi terhadap motivasi sendiri murid datangnya daripada

pemboleh ubah penaakulan = 44.3 peratus (sumbangan besar), pemikiran kreatif dan inovatif = 8 peratus (sumbangan kecil), penyelesaian masalah = 1.5 peratus (sumbangan kecil) dan keupayaan belajar = 1 peratus (sumbangan kecil).

Jadual 8. Analisis regresi pelbagai 'stepwise' faktor tahap inovasi pengajaran yang mempengaruhi tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum

Model	Pemboleh ubah	Motivasi		<i>t</i>	<i>P</i>	<i>R</i> ²
		β	β			
	Constant	1.826		19.717		
1	IP Penaakulan	.188	.377	6.867	.000	.443
2	IP Pemikiran Kreatif	.103	.210	4.506	.000	.080
						.523
3	IP Penyelesaian Masalah	.084	.139	2.920	.004	.150
						.538
4	IP Keupayaan Belajar	.084	.166	2.864	.004	.010
						.548

F = 110.233 R = .740
 Sig F = *p* < 0.05 R² = 0.548

Persoalan Kajian 5: Menentukan kesan faktor luar yang mempengaruhi tahap inovasi pengajaran terhadap tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di Sekolah Negeri Johor?

Dapatan kajian seperti Jadual 9, menunjukkan dari segi inovasi pengajaran nilai Wilks' λ ialah 0.391, Nilai F (187.405), *p* = 0.000 dan nilai eta squared (0.609). Ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan faktor luar berdasarkan inovasi pengajaran apabila nilai *p* = 0.000 iaitu lebih kecil dari nilai *p* yang ditetapkan (*p* < 0.05). Nilai eta squared juga besar iaitu 0.609 atau 60.9% yang dapat dikesan berasaskan perbezaan inovasi pengajaran.

Dari segi bangsa mendapati nilai Wilks' λ ialah 0.954, Nilai F (1.194), *p* = 0.001 dan nilai eta squared (0.046) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan faktor luar berdasarkan bangsa murid apabila nilai *p* = 0.001 iaitu lebih kecil dari nilai *p* yang ditetapkan (*p* < 0.05). Hasil kajian mendapati nilai eta squared yang diperoleh 0.046 menerangkan faktor bangsa yang mempengaruhi tahap inovasi pengajaran terhadap tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum adalah sebanyak 4.6% sahaja. Rumusnya, hasil ujian MANCOVA yang dijalankan mendapati bahawa faktor jantina, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa bukanlah kovarian yang sesuai dan utama sebagai pemboleh ubah yang dapat menentukan kesan faktor luar yang mempengaruhi tahap inovasi pengajaran terhadap tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum.

Jadual 9. Analisis MANCOVA Kesan Faktor Luar yang Mempengaruhi Tahap Inovasi Pengajaran terhadap Tahap Motivasi Kendiri Murid dalam Pembelajaran Kokurikulum

Kesan	Nilai Wilks' Lambda (λ)	<i>F</i>	<i>p</i>	Partial Eta Squared
Inovasi Pengajaran	0.391	187.405	.000**	0.609
Jantina	0.990	1.194	0.312	0.010
Bangsa	0.954	5.829	.001**	0.046
Pendapatan	0.997	0.352	.787	0.003
TPIB	0.994	0.707	.548	0.006

**signifikan pada aras keertian 0.01

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, murid memerlukan pembelajaran kokurikulum yang lebih menarik untuk meningkatkan motivasi sendiri murid. Pada masa yang sama, bagi memastikan murid berminat dalam pembelajaran kokurikulum, mereka mestilah mempunyai tahap motivasi sendiri yang tinggi. Kurangnya kasih sayang, perhatian dan sokongan daripada ibu bapa, guru atau orang dewasa lain terhadap seseorang boleh menyebabkan individu berasa kurang dihargai dan mengalami harga diri yang rendah (Jamaludin Ramli, 2010). Perasaan ini mengakibatkan penerimaan diri yang negatif dan

motivasi sendiri peribadi yang rendah. Kenyataan ini disokong oleh Teori Motivasi Maslow yang menyatakan sekiranya keperluan asas seseorang tidak dipenuhi, tahap motivasi sendiri murid juga akan menjadi rendah. Apabila motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum berada di tahap rendah, motivasi sendiri mereka untuk menyertai pembelajaran kokurikulum juga akan rendah. Secara umum, kajian ini menunjukkan bahawa tahap inovasi pengajaran mempunyai peranan penting dalam meningkatkan minat murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah. Selain itu, Fullan (1993) mendedahkan bahawa mengubah pemikiran seorang guru yang telah terbiasa dengan tabiat mereka bukanlah tugas yang mudah, kerana mereka akan cenderung mempersoalkan di mana autonomi mereka sebagai guru. Dalam proses pembelajaran dan pengajaran guru-guru inginkan kreativiti dan kebebasan tanpa terikat dengan hanya mengikut buku teks yang disusun oleh pihak berkuasa. Guru inginkan “pengekalan hak autonomi” untuk menguruskan “proses dan aktiviti” dalam bilik darjah mereka (Little, 1990).

Motivasi sendiri murid dianggap sebagai faktor yang berkesan bukan sahaja dalam meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga berpotensi mempengaruhi persekitaran dan kesihatan organisasi secara keseluruhan. Motivasi sendiri murid yang tinggi dikaitkan dengan pencapaian akademik yang unggul dan penyertaan aktif dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah. Jungert & Rosander (2010), mencadangkan bahawa apabila murid mempunyai keyakinan terhadap kebolehan mereka, mereka lebih bermotivasi dan komited untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam pembelajaran. Di samping itu, Rohaty & Muhammed Yusuf (2011), menegaskan bahawa motivasi sendiri murid terbukti menjadi faktor utama dalam meningkatkan motivasi sendiri murid yang tinggi dan memilih strategi pembelajaran yang berkesan dalam diri murid.

Berdasarkan analisis inferensi yang dijalankan. Didapati tidak terdapat perbezaan tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid berdasarkan faktor demografi. Ini bermakna faktor demografi tidak mempengaruhi tahap inovasi pengajaran dan tahap motivasi sendiri murid. Penemuan ini selaras dengan hasil kajian Nordin & Mohammad (2018), yang juga menyatakan bahawa tidak ada perbezaan dalam motivasi sendiri dan motivasi pembelajaran berasaskan jantina. Menurut kajian itu, motivasi sendiri murid perempuan dan murid lelaki adalah sama. Selain itu, disarankan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program untuk meningkatkan dan mengekalkan motivasi sendiri pembelajaran di kalangan murid. Ini boleh dilakukan dengan mudah kerana tidak ada perbezaan yang signifikan dalam aspek motivasi sendiri murid lelaki dan perempuan. Dapatan ini juga mendapat sokongan daripada kajian Leung et al. (2019), yang menyatakan bahawa murid dari keluarga berpendapatan rendah cenderung kurang aktif dalam pembelajaran kokurikulum.

Berdasarkan analisis yang dijalankan dari ujian regresi pelbagai, dapatan menunjukkan tahap sumbangan yang paling tinggi terhadap motivasi sendiri murid datangnya daripada pemboleh ubah penaaakulan = 44.3 peratus (sumbangan besar), pemikiran kreatif dan inovatif = 8 peratus (sumbangan kecil), penyelesaian masalah = 1.5 peratus (sumbangan kecil) dan keupayaan belajar = 1 peratus (sumbangan kecil). Namun begitu, menurut kajian Nasir & Hamzah, (2013) yang berpendapat persekitaran memainkan peranan sangat penting dalam meningkatkan motivasi sendiri murid. Selain itu, kajian ini disokong oleh Yahya (2014), yang menjelaskan bahawa menguasai dan mempraktikkan kemahiran berfikir terutamanya penaaakulan adalah sangat penting untuk mempelajari dan membangunkan kualiti murid yang mampu bersaing di pentas global yang kian mencabar.

Keputusan ujian MANCOVA menunjukkan terdapat kesan faktor luar inovasi pengajaran dan bangsa yang signifikan bagi motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum. Manakala kesan jantina, pendapatan dan tahap pendidikan ibu bapa bukanlah kovarian yang sesuai dan utama sebagai pemboleh ubah yang boleh menentukan kesan faktor luar yang mempengaruhi tahap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum. Sehubungan itu, hubungan antara motivasi sendiri murid dengan pencapaian akademik adalah berdasarkan usaha mereka (Goodman et al. 2011). Setelah menjalankan analisis regresi berganda, kajian Goodman et al. (2011) mendapati pencapaian akademik memberi kesan positif terhadap motivasi sendiri dan usaha murid. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa motivasi sendiri dan usaha murid adalah peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik murid dalam kokurikulum dan kurikulum.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini dapat menambah pengetahuan sedia ada yang telah dibuat oleh penyelidik terdahulu mengenai *burnout*. Kajian akan datang juga boleh diperluaskan kepada faktor-faktor peramal yang lain seperti kepimpinan, konflik pejabat-rumah, kekangan masa, tekanan kerja dan pengaruhnya terhadap

burnout dalam kalangan penjawat awam. Seterusnya, kajian boleh dijalankan dengan populasi yang lebih meluas, merangkumi penjawat awam yang berkhidmat di agensi kerajaan yang lain. Kajian seterusnya juga boleh menggunakan kaedah kualitatif untuk lebih memahami dan meneroka pengalaman penjawat awam yang mengalami *burnout* tahap tinggi.

KESIMPULAN

Kesimpulan mengenai pengaruh inovasi pengajaran terhadap motivasi sendiri murid dalam pembelajaran kokurikulum di sekolah menengah menunjukkan bahawa inovasi pengajaran memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi sendiri murid. Salah satu strategi yang berkesan untuk meningkatkan motivasi sendiri murid adalah dengan mengintegrasikan teknologi pendidikan interaktif dalam pembelajaran kokurikulum. Menurut Ahmad et al. (2020), teknologi seperti aplikasi pembelajaran berasaskan gamifikasi dan platform e-pembelajaran boleh mempertingkatkan keterlibatan murid dan merangsang motivasi intrinsik. Contohnya, penggunaan aplikasi yang membolehkan murid menyelesaikan cabaran atau misi pendidikan dalam format permainan boleh meningkatkan rasa pencapaian dan kepuasan peribadi, yang seterusnya mempengaruhi motivasi sendiri mereka (Ahmad, R., Abdullah, M., & Rahman, N., 2020). Seterusnya, pendekatan berasaskan projek dan pembelajaran kolaboratif adalah cara lain untuk meningkatkan motivasi sendiri murid. Kajian oleh Ismail dan Hassan (2019) menunjukkan bahawa apabila murid diberi tanggungjawab dalam projek yang memerlukan kerjasama, mereka lebih cenderung untuk merasa termotivasi dan berkomitmen terhadap hasil kerja mereka. Aktiviti seperti pembelajaran melalui projek yang melibatkan penyelesaian masalah nyata atau penyelidikan berkumpulan boleh meningkatkan motivasi murid dengan memberi mereka lebih banyak kawalan dan tanggungjawab dalam pembelajaran mereka (Ismail, N., & Hassan, M., 2019).

Selain itu, memberikan penghargaan dan pengiktirafan yang sesuai adalah strategi penting untuk meningkatkan motivasi sendiri murid. Menurut Lim dan Tan (2023), murid yang menerima pengiktirafan atas pencapaian mereka dalam pembelajaran kokurikulum dan inovasi pengajaran lebih cenderung untuk menunjukkan peningkatan dalam motivasi sendiri. Penghargaan boleh dalam bentuk sijil, pengiktirafan awam, atau peluang untuk memimpin projek yang menarik minat mereka. Ini memberi dorongan tambahan kepada murid untuk terus berusaha dan terlibat aktif dalam pembelajaran mereka (Lim, H. S., & Tan, S. K., 2023). Akhir sekali, penting untuk menyesuaikan teknik pengajaran dengan keperluan individu murid untuk meningkatkan motivasi sendiri murid. Kajian oleh Rahim et al. (2021) menekankan bahawa pendekatan pengajaran yang disesuaikan, seperti penetapan matlamat peribadi dan penilaian formatif, dapat membantu murid merasa lebih terlibat dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Penyesuaian ini boleh termasuk memberi pilihan dalam aktiviti pembelajaran atau menyediakan sokongan tambahan kepada murid yang memerlukannya untuk mencapai kejayaan peribadi mereka (Rahim, M. S., Ahmad, N., & Ismail, H., 2021).

RUJUKAN

- Ahmad, R., Abdullah, M., & Rahman, N. (2020). *Penggunaan Teknologi Pendidikan dalam Meningkatkan Motivasi Diri Murid*. Malaysian Journal of Educational Technology, 10(2), 35-48.
- Amran, N., Ibrahim, N., & Yusof, M. (2018). *Motivasi Diri dalam Pembelajaran Kokurikulum: Kesan dan Implikasi*. Journal of Educational Research, 15(3), 45-59.
- Goodman, S., Jaffer, T., Keresztesi, M., Mamdani, F., Mikgatle, D., Musariri, M., Pires, J., & Schlecter, A. (2011). An Investigation of the Relationship between Students' Motivation and Academic Performance as Mediated by Effort. *South African Journal of Psychology*, 41(3), 373-385.
- Ismail, N., & Hassan, M. (2019). *Pendekatan Berasaskan Projek dan Motivasi Murid dalam Pembelajaran Kokurikulum*. Journal of Collaborative Learning, 8(1), 22-33.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*, KPM Kuala Lumpur.
- Little, J. (1990). *The mentor phenomenon and the social organizational of teaching*. In C. Cadzen (Ed.), *Review of Research in Education*, 16, 297- 351. Washington, DC: American Educational Research Association.
- Leung, K. Y. K., Astroza, S., Loo, B. P. Y., & Bhat, C. R. (2019). "An environment-people interactions framework for analyzing children's extra-curricular activities and active transport," *Journal of Transport Geography*, 74(C), 341-358.

- Lim, H. S., & Tan, S. K. (2023). *Inovasi Pengajaran KBAT dan Kesannya Terhadap Motivasi Kendiri Murid*. *Malaysian Journal of Education*, 12(2), 101-115.
- Md. Roknuzzaman Siddiky. (2020). Examining The Linkage Between Student's Participation In Co-curricular Activities And their Soft Skill Development. *Journal of Education Sciences*, 4(3), 511-528
- Nur Munirah Roslan & Mohamad Shukri Abdul Hamid. (2020). The Effectiveness of Cocurricular Activities By Integrated Living Skills Unit In Enhancing Student's Soft Skills. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 162-172.
- Othman, H., & Shaari, R. (2019). *Inovasi Pengajaran dan Kesan terhadap Motivasi Kendiri Murid: Satu Kajian di Sekolah Menengah*. *Journal of Educational Research*, 115(3), 345-358.
- Rasyidi, A. & Siti, A. I. (2020). Persepsi Pensyarah Dan murid Terhadap Amalan Pengurusan Kokurikulum Di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(4), 479-488
- Rahim, M. S., Ahmad, N., & Ismail, H. (2021). *Pengaruh Inovasi Pengajaran terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Menengah*. *Journal of Innovative Teaching*, 9(1), 76-89.
- Zulkifli, R., & Kamaruddin, A. (2021). *Demographic Factors Influencing Student Motivation in Co-Curricular Activities in Secondary Schools*. *Malaysian Journal of Education*, 46(2), 225-240.